



**PERDANA MENTERI  
MALAYSIA**

PERUTUSAN



Menjelang tahun 2020, Malaysia mensasarkan untuk menjadi sebuah Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi. Bagi mencapai hasrat tersebut pelbagai cabaran akan kita lalui khususnya yang menyentuh aspek pembangunan fizikal yang lestari dan mampan. Sehubungan itu, perancangan spatial masa hadapan harus memberi pertimbangan kepada aspek pengurusan sumberjaya negara dan keupayaan kita dalam menangani perubahan global yang sukar dijangkakan.

Rancangan Fizikal Negara pertama disediakan pada tahun 2005 dan selanjutnya Rancangan Fizikal Negara Ke-2 dizahirkan pada tahun 2010 yang lebih memfokuskan pembentukan negara ini sebagai sebuah Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi menjelang tahun 2020. Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3) ini pula disediakan sebagai satu pelan perancangan yang melangkaui tahun 2020, ke arah mewujudkan Negara maju yang mempunyai landskap ekonomi yang progresif serta memberi fokus kepada Negara yang berdaya tahan.

Di samping itu, ia juga mengambil kira keperluan pelbagai golongan masyarakat secara menyeluruh khususnya dari aspek penyediaan perumahan mampu milik, sistem pengangkutan yang efisien, penyediaan kemudahan yang inklusif ke arah komuniti sejahtera. RFN Ke-3 juga memberikan penekanan kepada isu-isu perubahan Iklim dengan merangka strategi spatial yang berkesan.

Bagi memastikan RFN Ke-3 ini konsisten dengan perancangan dan pembangunan semasa negara, ianya disediakan berteraskan kepada komitmen di peringkat negara dan juga global. Komitmen negara digarap melalui Program Transformasi Kerajaan, bidang-bidang ekonomi di bawah Program Transformasi Ekonomi, Rancangan Malaysia Ke-11 serta melalui dasar-dasar sektoral dan pelan induk pelaksanaan yang berkaitan. Manakala di peringkat global, komitmen Perjanjian RIO+20 pada tahun 2012 dan *Sustainable Development Goals* (SDGs) pada tahun 2015 oleh *United Nation* turut dijadikan landasan bagi menghadapi cabaran global masa hadapan.

Saya mengharapkan agar RFN Ke-3 ini menjadi asas perancangan spatial jangka panjang negara yang selaras dengan RMKe-11 yang perlu diberikan perhatian oleh semua pihak khususnya dalam mengagihkan sumberjaya negara secara seimbang ke arah pembentukan Negara Berdaya Tahan dan Berdaya Huni melangkaui tahun 2020.

**DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN HJ. ABDUL RAZAK**  
Perdana Menteri Malaysia